

aab

MALAYSIA MUNGKIN HADIR PERSIDANGAN ALAM SEKITAR

Mahathir - Persidangan

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Malaysia mungkin mengubah pendiriannya dan menghadiri Persidangan Alam Sekitar Sedunia di Brazil tahun depan sekiranya dua mesyuarat sebelum ini menghasilkan rumusan positif mengenai tanggungjawab negara-negara Utara dan Selatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu melihat hasil dua mesyuarat sebelum persidangan tersebut -- mesyuarat persiapan dan mesyuarat negara-negara membangun -- sebelum membuat keputusan.

+Kalau hasilnya ialah tumpuan kepada tindakan-tindakan yang positif dan yang perlu diambil oleh semua pihak, yang kaya dan yang miskin, besar dan kecil, maka kita mungkin akan membuat keputusan untuk menghadirinya, katanya kepada pemberita selepas berucap pada Forum 1991 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pertimbangan akan dibuat sekiranya Malaysia mendapati persidangan itu bertujuan mencari jalan bagaimana semua pihak harus bertindak untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

+Tetapi akhirnya kalau kita dapati hanya cuma hendak meletak segala beban menjaga alam sekitar ke atas bahu negara miskin, lebih baik kita tidak hadir, katanya. -- Lagi

▼19/11/16-41MST

U GB 19-11 80176 BA041

aab

Mahathir - Persidangan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Sebelum ini, Malaysia hanya menyatakan kemungkinan tidak menghadiri persidangan di Rio de Janeiro itu sekiranya ia bertujuan semata-mata memberi tumpuan kepada negara-negara membangun, soal pencemaran alam sekitar dan kegiatan pembalakan.

Oleh kerana itu, kata Perdana Menteri, Malaysia tidak bercadang untuk memboikotnya.

Beliau enggan menjawab sama ada boikot yang dikatakannya itu bermaksud terustidak menghadiri persidangan tersebut atau hanya menghantar rombongan peringkat rendah.

+Kita tunggu sehingga keputusan dibuat mengenai perkara itu, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai perkara-perkara yang akan dibangkitkannya pada sidang kemuncak kedua Kumpulan 15 di Caracas, Venezuela dari 27 Nov hingga 29 Nov ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata antaranya ialah hubungan antara negara-negara Utara dan Selatan, masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara Asia dan isu-isu berkaitan dengan Selatan secara amnya.

Kepada soalan sama ada Asean telah berbincang mengenai penyertaan Vietnam dan Kemboja dalam pertubuhan itu, Perdana Menteri berkata ia hanya belum dibuat secara rasmi.

Katanya, setakat ini belum ada sebarang permohonan diterima. -- Bernama

▼19/11/16-42MST